

## Siaran Media

### AIA PUBLIC Takaful Bantu Pelanggan Lindungi, Kumpul dan Wariskan Kekayaan Menerusi A-Life Legasi

- Bayar sehingga 600% daripada jumlah perlindungan dalam bentuk **Hibah**
- Perkenal rider **A-Plus Infaq**, rider yang pertama seumpamanya di pasaran dengan kerjasama **Mercy Malaysia** dan **Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM)**
- Rider A-Plus Infaq membolehkan pelanggan berkongsi legasi yang dibina dengan badan-badan amal sekaligus menyumbang kepada komuniti
- Pelanggan menerima ganjaran berterusan kerana pengurusan kewangan yang baik melalui **Akaun Legasi**

**Kuala Lumpur, 16 Mac 2020** – AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) baru-baru ini melancarkan pelan Takaful Keluarga, **A-Life Legasi** bagi membantu para pelanggan memastikan masa depan orang yang tersayang dilindungi melalui pengurusan legasi yang baik. Bukan sahaja pelanggan dapat melindungi dan meningkatkan kekayaan mereka dengan A-Life *Legasi*, pelan ini juga memberi peluang kepada mereka untuk menyumbang kepada komuniti dengan berkongsi legasi yang dibina dengan badan-badan amal menerusi rider **A-Plus Infaq**, rider yang pertama seumpamanya di pasaran.

Pelan patuh syariah ini memberi perlindungan terhadap kematian akibat kemalangan atau kematian semasa mengerjakan Haji atau Umrah termasuk Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK). Ia juga bertindak sebagai salah satu kaedah pengurusan harta buat pelanggan di mana ia menawarkan **nilai perlindungan yang tinggi** dengan jumlah perlindungan minimum sebanyak RM350,000. Orang yang tersayang juga akan menerima sehingga 600% daripada jumlah perlindungan dalam bentuk **Hibah** (hadiah). Di samping itu, pelanggan A-Life *Legasi* juga boleh mendapatkan perlindungan sehingga RM4 juta tanpa perlu menjalani sebarang pemeriksaan kesihatan.

Menjelaskan rasional di sebalik pelancaran pelan A-Life *Legasi*, Elmie Aman Najas, Ketua Pegawai Eksekutif, AIA PUBLIC Takaful berkata: “A-Life *Legasi* diperkenalkan berdasarkan pemahaman pasaran kami, khususnya dalam kalangan keluarga Islam. Walaupun perlindungan kekayaan adalah penting untuk memastikan kehidupan yang selesa, mereka juga percaya bahawa ianya bukan sekadar meninggalkan simpanan yang mencukupi buat keluarga apabila mereka dijemput Ilahi. Ia turut melibatkan sumbangan, amal jariah serta kebajikan yang boleh diamalkan secara berterusan walaupun setelah meninggal dunia. Oleh itu, pada tahun ini, kami memperluaskan faedah takaful, bukan hanya untuk membantu pelanggan memenuhi keperluan pengurusan dan perlindungan kewangan mereka, malah membolehkan mereka untuk meneruskan amal jariah dan membantu golongan yang memerlukan. Inilah yang dimaksudkan dengan membina dan meninggalkan legasi anda.”

Satu lagi ciri unik A-Life *Legasi* adalah **Akaun Legasi**, yang membantu para pelanggan meningkatkan simpanan dengan memberikan ganjaran berterusan apabila mereka mengamalkan tabiat pengurusan kewangan yang baik dan apabila mencapai sesuatu peringkat penting di sepanjang kehidupan mereka. Jika pelanggan membuat caruman dalam tempoh yang ditetapkan, sejumlah amaun akan dikreditkan ke dalam *Akaun Legasi* mereka setiap dua (2) tahun, pada tahun ke-20 dan pada tempoh matang sijil. Di samping itu, sekiranya pelanggan berkahwin, menimang cahaya mata, bersara atau mencapai peringkat kehidupan lain, sehingga 50% daripada jumlah *Akaun Legasi* yang terkumpul akan dibayar kepada mereka.

Pelanggan juga boleh mempertingkatkan perlindungan dan keperluan simpanan dengan menambah pelbagai pilihan rider lain kepada pelan A-Life *Legasi* mereka termasuk perlindungan terhadap penyakit kritikal. Selain mengumpul dan melindungi kekayaan, pelan ini secara uniknya membolehkan para pelanggan berkongsi kekayaan dengan memberi faedah takaful kepada golongan yang memerlukan sebagai sebahagian daripada amal jariah yang dapat dilaksanakan secara berterusan menerusi rider **A-Plus Infaq**.

Ini bermakna, jika pelanggan meninggal dunia atau mengalami HUMK, amaun perlindungan rider akan disalurkan kepada badan amal pilihan pelanggan atau mereka boleh memilih untuk menginfaqkan jumlah tersebut kepada rakan amal rider berkenaan iaitu **Mercy Malaysia** atau **Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM)**. Sumbangan infaq akan disalurkan kepada badan amal yang dipilih menerusi penyedia perkhidmatan AIA PUBLIC Takaful, **PB Trustee Services Berhad**.

Semasa menerangkan ciri eksklusif pelan ini, Elmie juga turut berkongsi manfaat jangka panjang yang ditawarkan rider tersebut, "Apa yang membezakan A-Life *Legasi* daripada pelan lain di pasaran adalah unsur amal (A-Plus *Infaq*) yang direka sebagai sebahagian daripada ciri produk yang memberikan kemudahan kepada para pelanggan untuk mengagihkan legasi mereka tanpa perlu mendapatkan bantuan pihak luar. Dalam erti kata lain, para pelanggan kami disediakan saluran untuk menderma kepada badan amal pilihan mereka dengan lebih mudah melalui kaedah yang lebih mampan walaupun mereka sudah tiada. Ini secara tidak langsung meningkatkan penyertaan sosial yang akhirnya akan memberi kesan positif kepada semua lapisan masyarakat."

"Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Mercy Malaysia dan NCSM di atas sokongan berterusan dan kesudian mereka menjadi benefisiari A-Plus *Infaq*. Tidak lupa juga kepada PB Trustee Services Berhad selaku penyedia perkhidmatan kami. Kedua-dua badan bukan kerajaan (NGO) ini merupakan rakan kongsi jangka panjang AIA dan kami amat berbesar hati kerana dapat menyokong usaha-usaha murni mereka selama ini. Dengan penyelesaian takaful ini, kami membawa usahasiswa yang sedia terjalin ke peringkat lebih tinggi; mengukuhkan lagi tujuan utama kami untuk membantu rakyat Malaysia untuk Hidup Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna. Saya amat gembira kerana dapat bekerjasama dengan badan-badan amal yang tepat bagi mencapai matlamat kami ini," kata Elmie.

Bagi meraikan kerjasama AIA PUBLIC Takaful dengan rakan-rakan amalnya, pengendali takaful berkenaan telah menyumbangkan RM10,000 kepada Mercy Malaysia dan NCSM. Replika cek telah disampaikan oleh Elmie kepada Ir. Amran Mahzan, Pengarah Eksekutif Mercy Malaysia dan Encik Michael Warren, Pengurus Besar NCSM pada majlis makan tengahari eksklusif yang diadakan di ibu pejabat AIA baru-baru ini.

Pelan A-Life *Legasi* tersedia untuk individu yang berumur antara 14 hari dan 70 tahun yang turut menawarkan pelbagai terma perlindungan dan caruman yang bersesuaian dengan keperluan pelanggan. Pelan ini juga didatangkan dengan AIA Vitality, sebuah program kesihatan unik berasaskan sains yang memperkasakan ahlinya dengan pengetahuan, alat dan motivasi untuk mencapai matlamat kesihatan mereka.

Untuk maklumat lanjut mengenai A-Life *Legasi* dan A-Plus *Infaq* serta penyelesaian dan perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh AIA PUBLIC Takaful, sila layari [www.aia.com.my](http://www.aia.com.my).

- Tamat -

### **Mengenai AIA PUBLIC Takaful Bhd.**

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) dimiliki bersama oleh AIA Co. Ltd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). Diperbadankan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC Takaful memanfaatkan kedudukan kepimpinan AIA dan PBB Group serta rangkaian infrastruktur dan pengedaran yang mampan dalam industri insurans dan perbankan bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan kadar penetrasi Takaful Keluarga di pasaran domestik. AIA PUBLIC Takaful komited untuk menawarkan penyelesaian patuh syariah yang tepat bagi memenuhi pelbagai keperluan pelanggan di setiap peringkat kehidupan.

### **Mengenai AIA**

AIA Group Limited dan anak syarikatnya (keseluruhannya "AIA" atau "Kumpulan") terdiri daripada kumpulan insurans hayat pan-Asia tersenarai awam terbesar dan bebas. Ia beroperasi di 18 pasaran di Asia Pasifik – cawangan dan anak syarikat milik penuh di Hong Kong, Thailand, Singapura, Malaysia, Tanah Besar China, Korea, Filipina, Australia, Indonesia, Taiwan, Vietnam, New Zealand, Macau, Brunei, Kemboja, 97 peratus pegangan anak syarikat di Sri Lanka dan 49 peratus pegangan usaha sama di India. Pada April 2019, AIA juga diberikan kelulusan sebagai pemohon pilihan untuk beroperasi di Myanmar menerusi pemilikan 100 peratus anak syarikatnya.

Perniagaan yang kini dikenali sebagai AIA telah ditubuhkan di Shanghai sedekad yang lalu pada tahun 1919. Ia merupakan peneraju pasaran di rantau Asia Pasifik (tidak termasuk Jepun) berasaskan premium insurans hayat dan memegang kedudukan utama di sebahagian besar pasarannya. AIA mempunyai jumlah aset bernilai \$256 bilion dolar Amerika pada 30 Jun 2019.

AIA memenuhi keperluan simpanan dan perlindungan individu jangka panjang dengan menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan termasuk insurans hayat, insurans kemalangan dan kesihatan serta pelan simpanan. Kumpulan ini juga menyediakan manfaat pekerja, kredit hayat dan perkhidmatan persaraan kepada pelanggan korporat. Melalui rangkaian agensi, rakan kongsi dan kakitangan yang meluas di seluruh Asia Pasifik, AIA memberikan perkhidmatan kepada lebih daripada 34 juta pemegang polisi individu dan lebih 16 juta ahli skim insurans berkumpulan.

Kumpulan AIA disenaraikan di Papan Utama, Bursa Saham Hong Kong di bawah kod bursa "1299" dengan Resit Depositari Amerika (Tingkat 1) yang diniagakan pada pasaran kaunter (simbol ticker: "AAGIY").